

CNS1188

U GB 25-08 00202 BA162

bah

WANITA PERLUKAN PENDEKATAN TERSUSUN UNTUK ATASI KESAN NEGATIF

Mahathir - Wanita

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata wanita memerlukan pendekatan yang lebih tersusun dan berilmiah bagi menghadapi kesan negatif akibat penglibatan mereka dalam pertumbuhan ekonomi dan pemodenan negara.

Katanya, peranan wanita semakin penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 tetapi dalam masa yang sama juga mereka perlu mengatasi kesan-kesan negatif bagi mengelakkan kemusnahan perwatakan masyarakat seperti di negara-negara Barat.

+Sekarang tempoh yang kita ada lebih pendek dan banyak perkara yang perlu dilakukan oleh kita dalam menghayati sifat-sifat kewanitaan yang sihat supaya kejayaan kita tidak akan memusnahkan 'character' masyarakat kita, + katanya pada Perhimpunan Hari Wanita Ke-30 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, disini hari ini.

Perhimpunan lebih 2,500 orang wanita mewakili pelbagai pertubuhan itu merupakan yang pertama kali dianjurkan oleh kerajaan. Sebelum ini perhimpunan seumpama ini dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan.

Dr Mahathir berkata, antara kesan negatif yang dihadapi oleh wanita akibat penylibatan mereka dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara ialah dilema antara tarikan kerja untuk menambah pendapatan dan soal menjaga keluarga. -- Lagi.

♥25/08/15-45MST

CNS1195

U GB 25-08 00154 BA163

bah

Mahathir ~ Wanita 2 Kuala Lumpur

Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan supaya diwujudkan semula konsep +extended family+ di mana keluarga mereka seperti ibu bapa, mertua atau adik-beradik tinggal serumah untuk menjaga anak-anak mereka.

+Ibu mertua tidak seburuk seperti yang selalu digambarkan dalam drama atau cerita di televisyen dan filem atau buku novel terutama dari Barat, + tambahnya .

Katanya, walaupun khidmat pembantu rumahasing boleh digunakan tetapi dikhuatiri anak-anak akan menyerap budaya asing dan mungkin juga penguasaan bahasa ibunda mereka akan hilang atau lemah.

+Besarnya kemungkinan mereka akan menjadi disoriented, tidak dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat Malaysia dan tidak akan merasai sepenuhnya kasih sayang ibu sehingga boleh mengakibatkan mereka tidak memahami tanggung jawab kepada anak sendiri kemudian, + katanya.

Bagi wanita yang bekerja di kilang pula, Perdana Menteri berkata, mereka tidak sepatutnya dihalang bekerja semata-mata kerana takut terlibat dengan kegiatan yang tidak diinginkan. -- Lagi.

♥25/08/15-50MST

CNS1196

U'GB 25-08 00140 BA164

bah

Mahathir - Wanita 3 Kuala Lumpur

Katanya, tenaga mereka amat diperlukan untuk perindustrian dan pembangunan negara serta membantu mengurangkan beban keluarga.

Di samping itu, katanya, ia juga memberi peluang kepada mereka untuk lebih mengetahui cara hidup dalam dunia moden ini serta menguasai kecekapan dan pengetahuan bagi menjadikan mereka warganegara yang lebih mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

+Yang diperlukan ialah penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan yang sihat seperti sukan, kelab, kelas-kelas agama dan sosial yang boleh memenuh masa lapang mereka tanpa membosankan,+ katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mencadangkan supaya badan-badan sosial wanita dan pihak pengurusan kilang memainkan peranan menyediakan kemudahan itu.

Beliau juga berkata, tradisi lama apabila semua wanita menjadi ibu dan suri rumah manakala lelaki menjadi pencari nafkah tidak boleh dikembalikan lagi dalam masyarakat Malaysia moden. -- Lagi.

♥25/08/15-51MST

CNS1201

U GB 25-08 00189 BA165

bah

Mahathir - Wanita 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, ini kerana tenaga wanita turut diperlukan untuk bersama-sama dengan lelaki memajukan negara ini.

+Peranan wanita dalam masyarakat bukan harus dikurangkan tetapi sebaliknya harus ditingkatkan,+ katanya.

Katanya, orang lelaki harus mengiktiraf hakikat bahawa prestasi wanita kadang-kala lebih tinggi daripada prestasi lelaki dalam bidang pelajaran dan perniagaan.

Dalam hal ini, sikap wanita Malaysia yang tidak militan tidak seharusnya dijadikan peluang oleh orang lelaki untuk mengambil kesempatan.

Oleh itu, katanya, mereka yang layak dinaikkan pangkat tidak sepatutnya disekutkannya kerana mereka wanita.

Dr Mahathir melahirkan rasa syukurnya terhadap sikap wanita di negara ini yang walaupun menuntut hak yang saksama tetapi tidak keterlaluan seperti wanita di negara-negara Barat.

Katanya, di Barat, dalam kehairahan mereka menuntut hak yang sama dengan lelaki, mereka telah sanggup menghilangkan sifat-sifat kewanitaan sehingga menjadikan mereka bukan lagi wanita, lelaki atau +mak nyah+ tetapi lebih buruk daripada itu.

Dengan tidak mencontohi +Women's Lib+ ala Barat, Dr Mahathir berkata, wanita di negara ini telah menyelamatkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan dengan mengekalkan nilai moral dan etika. -- Bernama.